



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PERTAMBAHAN LALUAN PERJALANAN LENGKAP VAKSIN (VTL) MELALUI PENGANGKUTAN UDARA ANTARA PULAU PINANG DAN SINGAPURA MULAI 16 MAC 2022

Kerajaan Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk memperluaskan inisiatif Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (VTL) melalui pengangkutan udara dengan membuka satu lagi laluan baharu iaitu Pulau Pinang-Singapura yang akan bermula pada 16 Mac 2022. Inisiatif VTL udara ini membolehkan pengembara yang telah divaksin sepenuhnya untuk melakukan perjalanan ulang-alik bagi laluan Pulau Pinang-Singapura menggunakan perkhidmatan syarikat-syarikat penerbangan yang telah ditetapkan sebagai penerbangan VTL tanpa perlu menjalani kuarantin semasa ketibaan.

Inisiatif VTL memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan ketersambungan pengangkutan udara Malaysia-Singapura di samping membantu memulihkan semula jaringan ekonomi dan perniagaan di antara kedua-dua negara terutamanya dalam sektor pelancongan yang telah terkesan teruk akibat pandemik COVID-19. Inisiatif ini, yang bermula bagi laluan antara Lapangan Terbang Changi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), telah mencatat sejumlah 82,906 ketibaan pengembara dari Singapura sehingga 28 Februari 2022.

Penerbangan VTL bagi laluan baharu ini akan bermula dengan empat penerbangan sehari yang akan dioperasikan oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan Singapura. Penjualan tiket penerbangan VTL akan dibuka oleh syarikat-syarikat penerbangan dalam masa terdekat.

Butiran lanjut mengenai syarat pra-pelepasan dan kemasukan ke Malaysia boleh didapati di laman web Jabatan Imigresen Malaysia di www.imi.gov.my. Butiran tentang keperluan VTL bagi perjalanan ke Singapura boleh didapati di <https://safetravel.ica.gov.sg>.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

VTL BY AIR BETWEEN PENANG AND SINGAPORE TO COMMENCE 16 MARCH 2022

The Governments of Malaysia and Singapore have reached a mutual agreement to expand the Vaccinated Travel Lane (VTL) By Air to serve the Penang-Singapore route starting 16 March 2022. This VTL initiative will allow fully vaccinated travelers from between Penang and Singapore and vice-versa with participating airlines under the VTL without being required to quarantine upon arrival.

The VTL initiative has played an important role in strengthening flight connectivity between Malaysia and Singapore whilst contributing to economic and commercial recovery between the two neighbours, particularly in the tourism sector, which had been impacted heavily by the COVID-19 pandemic. The VTL, which was first initiated between the Changi Airport and Kuala Lumpur International Airport (KLIA) route on 29 November 2021, has served 82,906 arriving passengers from Singapore as of 28 February 2022.

The latest Penang-Singapore VTL will commence with four flights per day equally shared between participating airlines operating in Malaysia and Singapore. The sale of VTL air tickets will begin as soon as possible.

Further information on pre-departure and entry conditions to Malaysia can be accessed at www.imi.gov.my. Details on requirement for VTL to Singapore can be reached at <https://safetravel.ica.gov.sg>.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
4 MAC 2022

-TAMAT-

Pertanyaan Media

Hotline 1800-88-7723

Faks +603 8892 0208

E-mel aduan@mof.gov.my

